

Beri sokongan penuh kepada Syed Yazid

SEMUA pihak perlu memberikan sokongan kepada Presiden Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA) yang baharu, Syed Yazid Syed Omar untuk menyelesaikan masalah tunggakan gaji pemain dan kembali membawa kelab itu menjadi sebuah pasukan yang hebat.

Bekas Presiden KLFA, Khalid Samad berkata, isu tersebut perlu diselesaikan segera agar dapat mengelakkan lesen pasukan beraksi dalam saingan Liga Malaysia (Liga-M) dibatalkan.

"Saya harap semua pihak juga akan membantu mendapatkan baki wang sumbangan tahunan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebanyak RM2 juta dan baki bayaran perkhidmatan sebagai Duta DBKL dalam usahanya menjadikan KL Bandaraya Rendah Karbon sebanyak RM2 juta lagi.

"Jumlah RM4 juta ini akan menyelesaikan hampir keseluruhan tunggakan gaji dan KWSP yang sedang dihadapi KLFA dan KL City FC pada masa ini," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, beliau juga mengharapkan agar tiada lagi mana-mana pihak menjadikan pemain dan kakitangan KLFA dan KL City FC yang didakwa menjadi mangsa mainan politik dengan menyekat sumbangan kewangan DBKL kepada KLFA.

"Wang sumbangan ini sangat diperlukan untuk membayar gaji dan KWSP mereka.

Corak politik yang memangsakan pemain dan kakitangan adalah sangat terkutuk dan saya berharap ia tidak akan berulang lagi.

"Pada masa yang sama, usaha mencari pelabur untuk membeli saham syarikat pemilik KL City FC, iaitu KLUFC Sdn Bhd, perlu diteruskan.

"Pada 10 Oktober sebuah syarikat telah membayar RM1.53 juta sebagai duit pendahuluan ke arah membeli 51 peratus saham syarikat KLUFC Sdn Bhd.

"Ini hanya 30 peratus daripada jumlah yang perlu dibayar manakala bakinya akan dibayar dalam masa beberapa bulan lagi," katanya.

Menurutnya, dengan penjualan 51 peratus saham itu, kos tanggungan KLFA terhadap KL City FC akan dikurangkan sebanyak 51 peratus berbanding sekarang.

"Baki wang bayaran pembelian saham akan menyelesaikan hampir keseluruhan hutang dan tunggakan KLFA dan KL City FC," katanya.



SYED
YAZID